



12 Januari 2021
12 January 2021
P.U. (A) 7

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PROKLAMASI DARURAT

PROCLAMATION OF EMERGENCY

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PROKLAMASI DARURAT

OLEH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG, DENGAN KURNIA ALLAH, KETUA UTAMA NEGARA
BAGI NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI
ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH,
Yang di-Pertuan Agong

BAHAWASANYA BETA berpuas hati bahawa suatu darurat besar sedang berlaku yang menyebabkan keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam di dalam Persekutuan adalah diancam berikutan wabak penyakit berjangkit, iaitu Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19):

DAN BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa dalam keadaan yang tersebut BETA boleh mengeluarkan suatu Proklamasi Darurat:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH, dengan kurnia Allah, Yang di-Pertuan Agong bagi Negeri-Negeri dan wilayah-wilayah Malaysia, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA sebagaimana yang tersebut di atas MENGISYTIHARKAN bahawa suatu darurat besar sedang berlaku dan bahawa Proklamasi ini hendaklah meliputi seluruh Persekutuan mulai 11 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021:

DIKELUARKAN di Istana Negara BETA di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan pada sebelas hari bulan Januari, dua ribu dua puluh satu.

Dengan Titah Perintah Baginda

TAN SRI DATO' HJ. MAHIADDIN BIN MD. YASIN
Perdana Menteri

[Akan dibentangkan di Parlimen menurut Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan]

THE FEDERAL CONSTITUTION

PROCLAMATION OF EMERGENCY

BY HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG, BY THE GRACE OF ALLAH,
SUPREME HEAD OF THE STATES AND TERRITORIES OF MALAYSIA

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI
ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH,
Yang di-Pertuan Agong

WHEREAS WE are satisfied that a grave emergency exists whereby the security, economic life and public order in the Federation are threatened arising from the epidemic of an infectious disease namely Coronavirus Disease 2019 (COVID-19):

AND WHEREAS Clause (1) of Article 150 of the Federal Constitution provides that in the said circumstances WE may issue a Proclamation of Emergency:

NOW, THEREFORE, WE, AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH, by the Grace of Allah, Yang di-Pertuan Agong of the States and territories of Malaysia, in exercise of the powers conferred on US as aforesaid PROCLAIM that a grave emergency exists and that this Proclamation shall extend throughout the Federation with effect from 11 January 2021 until 1 August 2021:

ISSUED at OUR Istana Negara in Kuala Lumpur, the Federal Capital, this eleventh day of January, two thousand twenty one.

By His Majesty's Command

TAN SRI DATO' HJ. MAHIADDIN BIN MD. YASIN
Prime Minister

[To be laid before Parliament pursuant to Clause (3) of Article 150 of the Federal Constitution]